

01/09/1998

Amerika jatuh hukum tanpa bukti

Pengkritik

PENGEBOMAN terhadap Afghanistan dan Sudan jelas menggambarkan keazaman Amerika Syarikat menghukum pihak yang mereka anggap berkomplot, menaja dan menyokong `keganasan'. Tindakan ini kononnya diambil berikutan serangan ke atas bangunan yang menempatkan kedutaan Amerika di Nairobi, Kenya dan Dar es-Salaam, Tanzania.

Perkembangan susulan ini bagaimanapun amat menarik dan dramatik sekali. Ia sukar dipercayai kerana keputusan diambil agak cepat, kurang daripada dua minggu. Adakah siasatan terperinci dan bukti sudah diperolehi sebelum tindakan itu diambil? Persoalan yang masih berlegar, kenapakah kedua-dua negara itu menjadi sasaran?

Tanggapan yang cuba dipaparkan ialah Afghanistan dianggap melindungi Osama Bin Laden, jutawan yang dikatakan bertanggungjawab membiayai kegiatan pengeboman terhadap kepentingan Amerika. Dari manakah bukti diperolehi? Selepas pengeboman di Kenya dan Tanzania pada 7 Ogos lalu, Amerika mengeluarkan senarai orang yang disyaki dan Osama menduduki tangga pertama sebagai orang paling dikehendaki Jabatan Negara.

Selepas itu, seorang warga Arab, Mohamad Sadik ditangkap apabila tiba di Karachi selepas berlepas dari Nairobi. Seorang saksi di Kenya yang dirahsiakan identiti mendedahkan ia mengenal pasti rakan Osama berada dalam trak sebelum letupan. Seorang lagi, Howaida yang juga jurutera Palestin mengaku membantu pengeboman dan mendakwa serangan dibiayai Osama. Ini mengukuhkan dakwaan pembabitian Osama.

Oleh kerana Osama diberi perlindungan oleh kerajaan Taliban, maka jalan yang mudah ialah membuat pilihan pengeboman. Ini dilakukan dengan melancarkan peluru berpandu Tomahawk sebagaimana dilakukan dalam Perang Teluk. Sasaran peluru berpandu itu ialah di kawasan 150 kilometer dari bahagian timur Kabul dan dituju ke kawasan kem `melatih penganas'. Ini dinafikan oleh Kabul. Terdapat peluru berpandu yang tersasar dan meletup dalam wilayah Pakistan yang mengorbankan nyawa orang awam. Jabatan Negara menganggap ia berpunca daripada kesilapan teknikal dan tiada niat provokasi.

Adakah serangan serentak terhadap Sudan dan Afghanistan ini untuk mengalih perhatian kesan imej Clinton yang teruk tercemar kerana pengakuan skandal seks? Atau adakah langkah baru itu menguji peluru berpandu Tomahawk yang sebelum ini hanya diuji ke atas Iraq?

Serangan itu dipercayai mempunyai beberapa tujuan. Keadaan di Afghanistan kini agak reda walaupun masih berlaku pertempuran untuk menguasai dan mengusir pihak tertentu. Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) mula mengambil keputusan untuk menggerakkan proses perdamaian bagi menyelesaikan persengketaan dan memulihkan keamanan.

Osama diikuti serangan itu, Amerika tentunya berharap penentang Taliban akan menentukan pendirian kerana kehidupan mereka akan terancam dengan kehadiran Osama. Kumpulan anti-Osama boleh diperalatkan melalui tindakan gelap menerusi sogokan wang untuk membunuhnya.

Ini bukan ganjil dalam perkembangan politik Afghanistan yang menyaksikan kenaikan dan tumbangnyanya kumpulan tertentu sejak Russia mula mencero boh negara itu. Ini pernah terjadi kepada Ahmad Shah Masoud yang digelar `Singa Pansjer' yang diburu kerana wang.

Perkara ini bukanlah baru dalam perkembangan memerangi beberapa pemimpin utama dunia dengan matlamat menghapuskannya: Fidel Castro, Muammar Gadaffi dan Saddam Hussein.

Sudan turut dikaitkan memberi sokongan kepada Osama kerana beliau pernah ke Khartoum pada 1992 atas urusan perniagaan. Bagaimanapun dengan langkah drastik pengeboman, ia menimbulkan implikasi kepada dasar luar yang agresif itu.

Peluru berpandu memusnahkan beberapa bangunan dan sebuah kilang ubat. Amerika menegaskan, kilang itu menghasilkan senjata kimia. Sudan sudah membuat penegasan, Washington boleh menubuhkan badan bebas dan melawat tapak itu untuk pengesahan, kilang kimia atau ia berkaitan dengan kepentingan Osama.

Sekiranya, kedua-dua dakwaan itu benar, Amerika berhak melancarkan serangan. Amerika cuba mengherotkan pandangan antarabangsa kerana ia masih berhutang dengan kegagalan beberapa dasar ke atas Afrika. Sokongan kepada gerakan pemisah Tentera Pembebasan Rakyat Sudan (SPLA) di bahagian selatan pemimpin Kolonel John Garang tidak berjaya menjatuhkan kerajaan Jeneral Omar Hassan Al-bashir yang membuat perubahan dengan menguatkuasa undang-undang Islam.

Peperangan yang tercetus tidak berapa lama dulu turut membabitkan Uganda dan Eritrea masih tidak mampu menggugat kedudukan kekuasaan pusat di Khartoum.

Apa yang terjadi pula, kumpulan penentang mengalami perpecahan dan kalangan tokohnya seperti Rick Machar tidak sehaluan dengan Garang yang mendapat sokongan Washington.

Sudan bersama beberapa negara lain disenarai menaja keganasan yang membawa kepada sekatan serupa seperti dalam Akta Iran-Libya. Dalam perkembangan lain, terdapat beberapa dasar yang asasnya boleh dipertikaikan. Pada 1996, Presiden Mesir, Hosni Mubarak mengadakan lawatan ke Habsyah dan kebetulan satu letupan berlaku. Washington dengan segera mendahului Kaherah dan menganggap Sudan berkomplot dalam kejadian itu, sambil menegaskan mereka yang bertanggungjawab hendaklah diekstradisi. Sudan berjanji untuk mengheret mereka ke muka pengadilan, namun proses pengecaman dan pengesanan rukun masa kerana ia terjadi di luar sempadan nasional. Washington terus mengambil kesempatan dan membuat rumusan rambang, bahawa Sudan bukan lagi tempat selamat untuk warga negaranya. Presiden Bill Clinton dan pembuat dasar di Rumah Putih menyenaraikan pengharaman beberapa barangan dalam urusan niaga perdagangan.

Pendeknya, menilai hubungan Washington dan negara-negara Afrika selepas Perang dingin, ia menonjolkan beberapa kegagalan. Operasi kemanusiaan, Restore Hope di Somalia membawa pembabitan 30,000 tentera namun pasukan Tentera Operasi Khas (Special Operation Force) gagal menangkap panglima perang Jeneral Muhammad Farah Aidid.

Di Sudan pula yang sebelum ini hubungan begitu akrab dengan bekas Presiden Jaafar Numeiri kini terputus kerana komitmen Al-bashir berusaha mengukuhkan jentera dasar Islam yang dianggap unsur penyatuan penting bagi menyelamatkan ketidakstabilan.

Apapun perkembangan dan pandangan, tindakan diambil jelas mencabar kedaulatan dalam kaitan kewujudan bersama dan ia melampaui norma dalam etika diplomasi antarabangsa. Hujah awal, serangan dilancar dengan mendapat izin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bilakah PBB bersidang dan mencapai keputusan itu? Pastinya, masyarakat antarabangsa tidak boleh menerima jawapan dangkal seperti diluahkan penafian sebelum ini mengenai skandal seks Clinton.

Gambaran yang wujud membayangkan pergerakan pesimis terhadap undang-undang dan komitmen perhubungan antara negara, menjadikannya semakin anarki.

Sebelum ini, walaupun wujud tuduhan, seperti pengeboman di Dhahran (1995). Arab Saudi, nahas pesawat di Lockerbie, Scotland (1989) yang

masing-masing dituding kepada Teheran dan Tripoli, ia mengambil masa agak panjang sebelum tekanan.

Lazimnya, keputusan dibuat di atas nasihat dan laporan pihak perisikan seperti Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) dan Agensi Perisikan Pusat (CIA). Adakah ia turut mendapat tekanan Tel Aviv?

Keadaan yang berlaku mempunyai banyak persamaan dan mengulangi ketegaran lama. Pengeboman di Addis Ababa membawa perkaitan dengan Sudan dan di Kenya serta Tanzania pula membawa malapetaka hukuman .

Ini jelas menggambarkan dasar tidak seimbang yang menobatkan Amerika selaku Polis Dunia.